

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu
[Batu Gajah]

TARIKH : 2 JULAI 2013

SOALAN :

Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap kilang-kilang yang mencemarkan udara, air dan bunyi sepanjang tahun 2012. Kenapa tidak ada apa-apa tindakan oleh mana-mana pihak terhadap sebuah kilang memproses sisa ayam yang mengeluarkan bau busuk di kawasan perindustrian Silibin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jabatan Alam Sekitar, sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk mencegah dan mengawal pencemaran sentiasa memantau kualiti alam sekitar dan menjalankan penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Bagi tahun 2012, sebanyak 11,364 siasatan penguatkuasaan telah dijalankan yang meliputi kilang-kilang dan pelbagai punca lagi. Daripada jumlah ini, sebanyak 2,979 Notis Arahan, 3,173 Tawaran Kompaun, 315 Kes Mahkamah, 3 Kes Gantung Lesen dan 4 Kes Perintah Larangan telah dikenakan oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas punca-punca yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Di samping itu juga, sebanyak 3,394 Tawaran Kompaun dan 94 Kes Mahkamah telah dikenakan ke atas pemilik kenderaan-kenderaan bermotor di atas pelbagai kesalahan melibatkan pelepasan asap berlebihan dan bunyi bising.

Bagi premis memproses sisa ayam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah, premis tersebut merupakan premis yang beroperasi secara haram iaitu tanpa lesen daripada Majlis Bandaraya Ipoh. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan tetap dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan operasi premis tersebut mematuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Berdasarkan rekod, premis ini telah dikenakan tawaran kompaun dan larangan beroperasi di bawah Seksyen 38(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana telah menyebabkan pencemaran bau

busuk. Pihak premis juga telah diarah untuk memasang alat kawalan pencemaran bau busuk agar tidak mengganggu keselesaan penduduk berhampiran. Siasatan terkini menunjukkan pihak premis telahpun mematuhi arahan JAS di mana alat kawalan tersebut telahpun dipasang dan sedang diuji keberkesanannya.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh

Nama : Nor Hayati Bin Yahaya
Jawatan : Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasa
No. Telefon Bimbit : 012-2058402

Disemak oleh

Nama : Dr. Zulkifli Bin Abdul Rahman
Jawatan : Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
No. Telefon Bimbit : 019-3827137

Diluluskan oleh

Nama : Dato' Halimah Binti Hasan
Jawatan : Ketua Pengarah
No. Telefon Bimbit : 019-2107900